



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama	Profil Kementerian ▾	Piagam Pelanggan
-----------------------	--------------------------------------	----------------------------------

[Hubungi Kami ▾](#)

[Utama](#) [Arkib](#) [2017](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - Hanya 6 Peratus Ada Simpanan](#)

Utusan Malaysia - Hanya 6 Peratus Ada Simpanan

🕒 Khamis, Apr 06 2017



Hanya 6 peratus ada simpanan

■ KUALA LUMPUR 5 APRIL

HANYA enam peratus rakyat Malaysia mempunyai simpanan untuk tempoh enam bulan yang berpunca daripada sikap boros dan tidak memiliki pengetahuan dalam pengurusan kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, keadaan itu disebabkan masih ramai dalam kalangan masyarakat negara ini yang gagal membezakan antara keperluan dan kehendak ketika berbelanja.

"Justeru, Bank Negara Malaysia (BNM) menubuhkan Jaringan Pendidikan Kewangan (FE Network) bagi memberi pendedahan di peringkat belia mengenai simpanan dan pelaburan.

"Kita menyedari usaha ini akan melalui jalan yang mencabar tetapi dengan kerjasama pelbagai insitusi swasta dan kerajaan, kita yakin ia dapat meningkatkan keyakinan pengguna dalam



Kita menyedari usaha ini akan melalui jalan yang mencabar tetapi dengan kerjasama pelbagai insitusi swasta dan kerajaan, kita yakin ia dapat meningkatkan keyakinan pengguna dalam membuat keputusan kewangan."

OTHMAN AZIZ
Timbalan Menteri Kewangan

membuat keputusan kewangan," katanya.

Beliau menjawab soalan



tambahan **Anuar Abd. Manap (BN-Sekijang)** mengenai perancangan kerajaan dalam melak-

sanakan program JE ketika sesi soal jawab dalam sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam perkembangan yang sama, Othman turut menyelar **Datuk Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena)** yang mendakwa kegagalan masyarakat membuat simpanan adalah kerana tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi.

Jelas beliau, kerajaan menyediakan pelbagai program bagi membantu meningkatkan kos sara hidup masyarakat terutama golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan kumpulan berpendapatan 40 peratus sederhana (M40).

"Mustahil langsung tiada duit, zaman ketika dahulu belanja 20 sen pun masih boleh menyimpan. Malah, kerajaan telah mewujudkan pelbagai program bantuan kewangan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional bagi membantu mendapatkan pendapatan tambahan," katanya.

UTUSAN



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro
- e-Penyertaan & Maklumbalas
- Statistik & Prestasi
- Pautan
- Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

- 03-8000 8000
- 03-88823893 / 03-88823894
- pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

